

UMNO Johor mahu Pak Lah tegas

BATU PAHAT 28 Okt. - UMNO Johor yakin sudah tiba masanya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertegas dalam merungkai kemelut politik yang kian hangat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Penerangan UMNO Johor, Senator Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, Abdullah mesti mengukuhkan pendirian dan meneruskan perancangan yang difikirkan wajar dipertahankan bagi mengelak tanggapan masyarakat bahawa beliau terlalu dipengaruhi oleh bekas ketuanya itu.

"Bagi UMNO Johor, Pak Lah berhak membuat sebarang pindaan atau perubahan dalam mentadbir negara seperti yang dilakukan oleh Tun dulu tanpa rasa ragu atau bimbang dikritik," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat itu berkata demikian ketika ditemui pada majlis rumah terbukanya di Senggarang di sini hari ini.

Kedudukan hubungan Abdullah-Mahathir kembali mewarnai politik negara apabila kurang daripada 24 jam selepas per-

temuan di Sri Perdana, Putrajaya Ahad lalu, Dr. Mahathir secara terbuka mengkritik Abdullah.

Serangan yang dianggap Perdana Menteri sebagai 'racun yang amat berbisa' itu menyebabkan para pemimpin Barisan Nasional (BN) tersentak dan menganggap tindakan Dr. Mahathir tersebut sebagai tidak wajar.

Mohd. Puad berkata, perkembangan itu menyebabkan rakyat hampa kerana ramai yang meletakkan harapan tinggi bahawa krisis antara kedua-dua tokoh negara itu akan berakhir selepas pertemuan empat mata di Putrajaya itu.

Malangnya, jelas beliau, keadaan bertukar menjadi keruh hingga Sultan Johor, Sultan Iskandar Sultan Ismail terpanggil untuk menyuarakan pandangan baginda.

"UMNO Johor berterima kasih dengan titah Sultan Iskandar itu yang menggambarkan perasaan rakyat Johor yang mahu episod hubungan keruh kedua-dua pemimpin itu ditamatkan segera," ujarnya.

Mohd. Puad bimbang jika krisis itu

berterusan ahli-ahli UMNO akan hilang hormat kepada Dr. Mahathir sedangkan negarawan itu sepatutnya bijak membataskan peranan apabila sudah tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan.

Di PAPAR, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berkata, adalah tidak wajar Perdana Menteri dikritik secara berterusan oleh Dr. Mahathir tanpa memberi peluang kepadanya membuktikan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menurut beliau, Dr. Mahathir sepatutnya terlebih dahulu mendengar dan menerima penjelasan Perdana Menteri yang bertanggungjawab melaksanakan agenda kerajaan hari ini.

Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah berkata, Abdullah seolah-olah tidak diberi kesempatan membuktikan kemampuannya.

Katanya, Dr. Mahathir juga perlu terlebih dahulu mendengar penjelasan daripada kerajaan dan bukan berterusan mengkritik.

"Apa yang menyedihkan, Tun masih enggan menerima penjelasan tersebut malah tetap terus mengkritik kerajaan," ujarnya.

Sementara itu, di IPOH, Pergerakan Pemuda UMNO Perak mahu Dr. Mahathir berhenti mengkritik pentadbiran kerajaan sekarang kerana ia boleh menjejaskan keutuhan UMNO dan rakyat secara keseluruhannya.

Ketuanya, Zainol Padzi Paharudin berkata, masa yang ada sekarang perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi membantu Perdana Menteri menjayakan agenda Melayu dalam misi RMK-9 yang sedang dilaksanakan sekarang.

Beliau berkata, Pemuda UMNO Perak sama sekali tidak akan membiarkan tumpuan seluruh ahli pergerakan itu terjejas disebabkan polemik yang timbul.

"Kami mahukan polemik ini dihentikan serta-merta kerana tidak ada pihak yang mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Zainol Padzi juga tidak mahu berlaku keadaan 'menang sorak tapi kampung tergadai' ekoran perbalahan tersebut.